

[SINGAPURA](#)

## Danish Nuriman kejar impian jadi doktor, mahu tinggalkan kesan positif dalam kehidupan orang lain

Anggaran Waktu Membaca: 3 min  
Play Video

02:16 Min

Melihat anggota keluarga rapat iaitu arwah datuk saudaranya sendiri menanggung derita penyakit kronik, Muhammad Danish Nuriman Misran rasa terdorong untuk mendalami ilmu perubatan.



[NAZIRAH NURFATIN JAMZURI](#)

Diterbitkan : 16 Aug 2023 09:56PM Dikemas Kini : 16 Aug 2023 11:06PM

Penanda

[WhatsApp](#)[Facebook](#)[Twitter](#)[Email](#)[LinkedIn](#)

SINGAPURA: Melihat anggota keluarga rapat iaitu arwah datuk saudaranya sendiri menanggung derita penyakit kronik, Muhammad Danish Nuriman Misran rasa terdorong untuk mendalami ilmu perubatan.

Ini supaya beliau dapat meninggalkan kesan positif dan membantu pesakit seperti arwah datuk saudaranya.

Kini impian itu semakin hampir dicapainya setelah berjaya diterima masuk dalam Sekolah Perubatan Lee Kong Chian di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).



Gambar: BERITA Mediacorp/Nazirah Jamzuri


Beliau yang kini berusia 19 tahun, merupakan antara 150 mahasiswa yang diraikan dalam upacara kot putih di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) siang tadi (16 Ogos).

"Arwah datuk saudara saya menjadi salah satu sumber inspirasi saya, kerana beliau mengalami penyakit jantung dan penyakit ginjal kronik dan terpaksa menjalani dialisis serta menerima rawatan setiap minggu," kongsi Danish kepada BERITA Mediacorp.

"Daripada pengalamannya, saya dapat tahu betapa pentingnya peranan seorang doktor dalam merawat pesakit. Selain itu, saya juga dapat rasa bagaimana khidmat jagaan kesihatan dapat meninggalkan kesan dalam kehidupan orang lain," tambah beliau.

**IBU BAPA SEBAGAI SUMBER INSPIRASI MINAT DALAM PERUBATAN**

**IKLAN**



Gambar: NTU

Malah, ibu bapa Danish turut menjadi sumber inspirasi beliau, terutama sekali ibunya, yang sudah bekerja di sebuah hospital tempatan selama 30 tahun.

Dalam 10 tahun pertama kerjaya ibunya, beliau berkhidmat sebagai jururawat sebelum beralih kepada peranan tadbir urus di Hospital Besar Singapura (SGH).

## **IKLAN**

Ibu Danish juga banyak berkongsi dan memberinya pendedahan tentang penjagaan kesihatan serta perkembangan baru dalam perubatan.

Malah, pendedahan kepada bidang perubatan turut dipupuk sejak kecil lagi oleh ibu bapanya.

"Semasa saya kecil, ibu bapa saya membeli buku untuk saya tentang bidang perubatan ini dan oleh itu, saya mula membaca lebih banyak buku tentang bidang perubatan serta kajian dan penyelidikan yang ada tentang perkembangan dalam bidang perubatan ini," kata Danish.

## **INGIN JADI DOKTOR YANG CEMERLANG DAN SUMBANG KEPADA PENYELIDIKAN DI SG**

Untuk bekas pelajar Sekolah Anglo-Chinese (Bebas), beliau teruja untuk memulakan perjalanannya itu untuk meninggalkan kesan yang positif dalam kalangan para pesakit.

## **IKLAN**

"Saya harap saya dapat mengambil bahagian dalam projek sukarelawan dan juga projek penyelidikan yang dilancarkan oleh pelajar di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian di NTU ini. Saya juga harap selepas lima tahun pendidikan ini, saya dapat menjadi seorang doktor

yang cemerlang dan menyumbang kepada penyelidikan yang ada di Singapura," luah Danish.

Danish juga amat tertarik untuk mendalami bidang pencegahan penyakit dan penjagaan kesihatan kronik.

"Ramai warga Singapura mengalami penyakit kronik seperti penyakit ginjal dan juga penyakit barah termasuk datuk saudara saya," dedah Danish, yang juga berminat untuk meneroka peranan Kecerdasan Buatan (AI) dalam perubatan.

"Jadi jika saya dapat menceburi bidang ini, saya rasa saya akan meninggalkan lebih banyak kesan. Saya dapat memberikan lebih banyak manfaat kepada warga Singapura," tambahnya.



Gambar: BERITA Mediacorp/Nazirah Jamzuri

Kohort 150 pelajar itu merupakan kohort ke-11 bagi Sekolah Perubatan Lee Kong Chian di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Para pelajarnya datang dari maktab rendah, politeknik, program International Baccalaureate (IB), Sekolah Tinggi NUS Matematik dan Sains serta sekolah antarabangsa.

Kohort tersebut juga merupakan yang terakhir akan menerima ijazah bersama NTU dengan Imperial College London bagi program ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan.